



B A B : I
F a s a l K e d u a

1. PEMBAHAGIAN DAKWAAN

1.1 Sesuatu dakwaan itu hanya dikira sah apabila ianya memenuhi syarat-syarat tertentu. Namun demikian satu-satu dakwaan itu akan menjadi fasid (rosak) walau pun syarat sah dakwaan ada pada asalnya, oleh kerana terdapat kecacatan pada beberapa sifatnya. Seterusnya dakwaan itu juga boleh menjadi batal sama sekali apabila ianya tidak memenuhi syarat-syarat sah sesuatu dakwaan.

1.2 Dakwaan yang sah

Dakwaan yang sah ialah dakwaan yang memenuhi syarat-syarat tertentu seperti berikut:-⁵⁸

i. Menurut Mazhab Hanafi⁵⁹ pendakwa dan yang didakwa hendaklah orang yang berakal. Dakwaan oleh mana-mana pihak atau kedua-duanya sekali menjadi tidak sah jika ianya terdiri daripada kanak-kanak atau orang gila. Ringkasnya orang yang mabuk, gila dan kanak-kanak tidak sah membuat dakwaan atau menafikan pembuktian dakwaan yang dikemukakan terhadapnya.

ii. Al-Syarbiniy al-Khātib menambah bahwa pendakwa dan yang didakwa bukan kafir harbi yang tidak diberikan keamanan kepadanya. Oleh itu kafir harbi tidak sah membuat dakwaan.⁶⁰

iii. Hendaklah sesuatu hak yang didakwa itu diketahui dengan jelas dan termasuk di dalam bidang kuasa Hakim dan Hakim berkuasa menjatuhkan hukuman terhadapnya.⁶¹ Dalam kes pembunuhan misalnya, pendakwa hendaklah memperjelaskan jenis-jenis pembunuhan samada secara sengaja atau tidak sengaja, dan juga pembunuhan itu dilakukan secara bersendirian atau berkongsi.

iv. Hendaklah sesuatu hak yang dituntut di dalam satu-satu dakwaan itu terdiri dari hak atau harta yang boleh disabitkan, bukan sesuatu hak yang mustahil pada akal dan adat. Mustahil pada akal misalnya, Abu mendakwa Ahmad itu sebagai anaknya, sedangkan Ahmad itu lebih tua daripadanya. Jadi adalah mustahil dapat diterima oleh akal kita yang Ahmad itu anak kepada Abu, apabila kita melihat perbezaan umur mereka. Manakala mustahil pada adat pula seseorang fakir yang telah dike-

tahui umum membuat dakwaan bahawa ia telah memberi hutang kepada seseorang yang telah termasyhur dengan kekayaannya.⁶²

v. Menurut pendapat Abu Hanifah⁶³ pendakwaan itu mestilah di dalam Mahkamah, dan pihak pendakwa sendiri yang mengemukakan dakwaannya, melainkan ianya ada keuzuran. Jika ia mewakili kepada orang lain, sedangkan ia tidak ada keuzuran dan pihak yang didakwa tidak redha, maka dakwaan itu tidak sah. Dua sahabat Abu Hanifah tidak bersetuju dengan pendapat ini, mereka mengatakan bahawa dakwaan itu tetap sah, kerana wakil itu sama martabatnya dengan pendakwa.⁶⁴

vi. Hendaklah dakwaan itu mewajibkan sesuatu hukuman ke atas orang yang didakwa jika sabit kesalahan. Jika sebaliknya Hakim tidak perlu mendengar dakwaan tersebut.⁶⁵

vii. Hendaklah lafaz dakwaan itu dalam bentuk yang sah dan boleh diterima.⁶⁶ Ungkapan-ungkapan pendakwaan itu mengandungi sesuatu yang menyakinkan pendakwa sendiri yang dapat mensabitkan haknya yang ada pihak yang didakwa. Di samping

itu pihak pendakwa hendaklah menyatakan "saya membuat tuntutan terhadap pihak yang didakwa" samada yang berbentuk hutang, harta alih, harta tak alih atau sebagainya.⁶⁷

1.3 Apabila telah sempurna syarat-syarat tersebut, maka dakwaan itu dianggap sah, dan pihak yang didakwa diwajibkan menjawab dakwaan tersebut. Sekiranya yang didakwa itu mengaku maka Hakim akan menjatuhkan hukuman berdasarkan pengakuannya. Sebaliknya jika yang didakwa pula ingkar, Hakim hendaklah menyoal pendakwa adakah ia mempunyai apa apa keterangan. Jika pendakwa berjaya mengemukakan keterangan yang dapat diterima oleh Hakim maka Hakim akan menjatuhkan hukuman berdasarkan kepada keterangannya. Sebaliknya jika pendakwa gagal, Hakim akan meminta yang didakwa bersumpah di atas permintaan pendakwa. Apabila yang didakwa bersumpah dan menafikan dakwaan pendakwa maka Hakim akan menjatuhkan hukuman berdasarkan sumpah itu dengan menolak dakwaan pendakwa, dan kes itu akan dibuang begitu sahaja. Jika sekiranya yang

didakwa itu enggan dari bersumpah (nukul) atau diam sahaja, Hakim akan mengembalikan hak sumpah itu kepada pendakwa. Sumpah ini dinamakan 'Yamin Mardudah'.⁶⁸

1.4 Dakwaan yang fasid (rosak)

Dakwaan yang fasid ialah dakwaan yang sah pada asalnya, tetapi tidak dianggap syari'e kerana wujudnya kecacatan sebahagian daripada sifat-sifatnya.⁶⁹ Dalam keadaan ini, seseorang Hakim boleh mendengar dakwaan tersebut atau menolak sahaja dakwaan itu. Hakim boleh juga meminta pendakwa membetulkan dakwaannya. Jika ia gagal berbuat demikian, maka dakwaannya boleh ditolak oleh Hakim.

Walaupun, penolakan itu tidaklah menghalang pihak pendakwa untuk mengemukakan hak dakwaannya buat kali kedua (dakwaan balas), sekiranya dakwaan yang fasid itu telah diperbetulkan oleh pendakwa.⁷⁰

1.5 Dakwaan yang batal

Dakwaan yang batal ialah dakwaan yang pada asalnya tidak sah dan tidak akan membuahkan apa-apa hukuman terhadap orang yang didakwa. Misalnya, A seorang yang fakir, mendakwa B seorang yang kaya, meminta supaya Hakim menjatuhkan hukuman ke atas B, yang didakwanya memberikan sedekah kepadanya. Maka dakwaan seumpama ini dianggap batal.

2. DAKWA AL-HISBAH

2.1 Al-Hisbah pada istilah bahasa ialah menghitung atau mengira. Apabila kita katakan (**فعله حسبة**) bermaksud seseorang itu melakukan sesuatu dengan tujuan mengharapkan pahala di sisi Allah s.w.t. Begitu juga bila kita katakan (**احسب الاجر عند الله**) bermaksud seseorang itu menghitung pahala di sisi Allah s.w.t. Demikian juga apabila dikatakan (**واحسب عليه كذا**) bererti seseorang itu mengingkari atau membantah sesuatu kerana Allah s.w.t. Kesimpulannya al-Hisbah, ialah nama bagi pahala atau ganjaran di sisi Allah s.w.t.⁷²

2.2 Manakala al-Hisbah menurut istilah syara^c al-Mawardi⁷³ mendefinisikan, "memerintah atau menyuruh melakukan yang ma^cruf apabila jelas ia ditinggalkannya, dan melarang dari perkara-perkara munkar apabila nyata ia melakukannya".

2.3 Di tinjau dari sudut Kehakiman Islam dakwa al-Hisbah bermaksud, dakwaan yang dikemukakan oleh seseorang kepada Hakim, yang bukan bertujuan untuk menuntut sesuatu hak bagi dirinya.

Sebaliknya, ia menuntut supaya dilaksanakan hak-hak Allah s.w.t. Oleh itu ia dianggap sebagai pendakwa dan dalam masa yang sama ia juga dianggap sebagai seorang saksi.⁷⁴

Mislanya, A mendakwa si B telah menceraikan isterinya C dengan talaq tiga, tetapi si B, masih lagi bersekedudukan sebagaimana hubungan suami isteri dengan isterinya C, maka A mendakwa si B serta memohon kepada Mahkamah untuk memisahkan di antara mereka berdua.⁷⁵

2.4 Asas kepada mengutamakan menyuruh berbuat kebaikan dan mencegah dari kemungkaran adalah berdasarkan firman Allah s.w.t.⁷⁶ yang bermaksud;

"Hendaklah kamu tergolong umat yang mengajak kepada kebajikan, menyuruh mengerjakan yang benar dan melarang membuat yang salah. Mereka itulah orang yang beruntung"

Dalam hal ini Rasulullah⁷⁷ s.a .w. bersabda yang bermaksud;

"Barang siapa dari kamu melihat munkar, maka hendaklah ia cegah dengan tangannya. Jika ia tidak sanggup, maka dengan lidahnya, jikalau ia tidak sanggup juga, maka dengan hatinya. Dan itulah selemah-lemah iman"

Berdasarkan kepada dalil-dalil di atas, maka dakwa al-Hisbah merupakan sebahagian daripada fardhu kifayah, bahkan kadang kala ia menjadi fardhu ^Cain ke atas orang-orang tertentu, terutamanya jika tidak ada orang lain, selain daripadanya yang mampu memikul tanggung jawab tersebut.

2.5 Syarat Rukun Dakwa al-Hisbah

Dakwa al-Hisbah mempunyai syarat-syarat rukun tertentu iaitu:-

- i. Al-Muhtāsib
- ii. Al-Muhtāsab Fī Hi
- iii. Al-Muhtāsab ^CAlaih
- iv. Al-Ihtisāb

i. Al-Muhtāsib

Al-Muhtāsib ialah orang yang melaksanakan amar-ma^cruf dan-nahi munkar. Fuqaha' telah mendefinisikan ialah orang yang telah ditentukan oleh pemerintah untuk melaksanakan amar-ma^cruf dan nahi munkar.⁷⁸ Pada hari ini al-Muhtāsib dikenali sebagai pegawai penguatkuasa atau pencegah maksiat.

Di antara syarat-syarat yang diwajibkan kepada seseorang al-Muhtāsib itu ialah:-

i. Mukallaf, setengah-tengah Fuqaha' berpendapat bahawa seseorang kanak-kanak boleh mengerjakan amar-ma^cruf nahi-munkar, asalkan ianya mumaiyyiz,⁷⁹

ii. Islam,⁸⁰ maka dakwaan al-Hisbah tidak dituntut ke atas orang kafir,

iii. ^cAdil, sebahagian ^culama! mengatakan ^cadil adalah syarat kepada seseorang al-Muhtāsib, maka orang yang fasid tidak boleh menjadi al-Muhtāsib.

Sehubungan dengan ini Allah s.w.t.⁸¹ berfirman yang bermaksud;

"Mengapa kamu suruh orang lain mengerjakan kebaikan sedang-kamu lupakan dirimu sendiri"

iv. Mendapat keizinan daripada pemerintah atau naibnya. Pendapat lain, mengatakan tidak perlu kepada keizinan dari pemerintah kerana tiap-tiap orang Islam wajib menyuruh berbuat kebaikan menegah kemungkaran. Pendapat ini disokong oleh salafus-salih, bahawa mereka menjalankan dakwaan al-Hisbah tanpa mendapat keizinan daripada pihak pemerintah.⁸²

Sebelum seseorang al-Muhtasib melaksanakan kaedah-kaedah amar-ma^cruf nahi munkar, ia hendaklah mempunyai beberapa ciri-ciri tertentu:-

i. Seseorang al-Muhtasib itu hendaklah mempunyai tujuan atau niat yang baik, semata-mata untuk mendapatkan keredhaan Allah s.w.t.,⁸³

ii. Berilmu, seseorang al-Muhtasib haruslah mengetahui situasi hisbah, tempat-tempat yang sering berlakunya kemungkaran dan sebagainya,⁸⁴

iii. Wara^c, sifat ini penting supaya seseorang al-Muhtasib itu mendapat mencegah dirinya dari menyalahi apa yang diketahuinya, kerana tidak semua orang yang berilmu itu beramal menurut ilmu pengetahuannya, dan ia menjadi contoh teladan supaya pengajarannya dapat diterima oleh orang ramai.

iv. Seseorang al-Muhtasib itu mempunyai akhlak dan budi pekerti yang mulia seperti bersabar, lemah-lembut dan sebagainya.⁸⁵ Firman Allah s.w.t.⁸⁶ yang bermaksud;

"....dan suruhlah (manusia) mengerjakan yang baik dan cegahlah mereka dari perbuatan yang munkar dan bersabarlah terhadap apa yang menimpamu, sesungguhnya yang demikian itu termasuk hal-hal yang diwajibkan oleh Allah s.w.t."

ii. Al-Muhtasab Fī Hi

Al-Muhtasab Fī Hi ialah perkara atau tajuk yang menjadi dakwaan al-Muhtāsib. Dengan kata lain, al-Muhtasab Fī Hi ialah tiap-tiap munkar yang wujud terang bagi al-Muhtāsib tanpa diintipnya.

Di antara syarat-syarat al-Muhtasab Fī Hi itu adalah seperti berikut:-

i. Perkara yang hendak dicegah itu merupakan perkara munkar,

ii. Kemungkaran-kemungkaran itu benar-benar wujud atau benar-benar berlaku,⁸⁷

iii. Perbuatan munkar itu jelas bagi al-Muhtāsib tanpa diintipnya.

Di riwayatkan bahawa Umar al-Khattab memanjat dinding tembok seorang lelaki, lalu beliau melihat lelaki itu dalam keadaan tidak diingini, lalu beliau mencegahnya.⁸⁸ Maka lelaki itu menjawab "wahai Amirul Mukminin!, jikalau aku telah melakukan maksiat kepada Allah s.w.t. dari satu sudut,

maka engkau telah melakukannya dari tiga sudut. Lalu Umar al-Khattab bertanya, apakah tiga sudut itu?, maka lelaki itu menjawab, Allah s.w.t.⁸⁹ berfirman yang bermaksud:

"...janganlah engkau mencari-cari keburukkan"

Firman Allah s.w.t.⁹⁰ lagi yang bermaksud;

"Dan masuklah rumah itu dari pintunya"

Dan engkau wahai Amirul Mukminin telah memanjat dinding dan masuk dari atap. Allah s.w.t.⁹¹ berfirman yang bermaksud;

"Janganlah kamu masuk ke dalam rumah yang bukan rumah kamu sebelum meminta izin dan memberi salam kepada orang yang di dalamnya"

Dan engkau tidak memberi salam, lalu Umar al-Khattab meninggalkan lelaki itu, serta mensyaratkannya supaya bertaubat.

iii. Kemungkaran itu sememangnya diketahuhi umum tanpa memerlukan kepada ijtihād.⁹²

iii. Al-Muhtāsab ^cAlaih

Al-Muhtāsab ^cAlaih ialah orang yang melakukan perbuatan munkar itu sendiri.⁹³ Disyaratkan kepada al-Muhtāsab ^cAlaih itu ialah orang yang melakukan perkara-perkara yang dilarang atau munkar. Berdasarkan ini tidak disyaratkan kepada al-Muhtāsab ^cAlaih itu seorang yang berakal, baligh dan sebagainya.

Oleh itu, apabila seseorang yang gila itu berzina maka perbuatan itu wajib dicegah. Begitu juga jika seseorang kanak-kanak yang mumaiyyiz didapati meminum arak, maka perbuatan itu juga wajib dicegah.

iv. Al-Ihtisāb

Al-Ihtisāb ialah perbuatan al-Muhtāsib itu sendiri dalam melaksanakan dakwa al-Hisbah. Al-Ihtisab itu mempunyai tingkat-tingkat tertentu:⁹⁴

1. Ta^carruf (mengenal pasti perbuatan kemungkaran yang berlaku),

ii. Ta^crif, memberitahu kepada orang yang melakukan perbuatan itu supaya meninggalkan dengan cara lemah-lembut,

iii. Pengajaran dan nasihat, menyatakan bahawa perbuatan itu dilarang oleh Allah s.w.t.,

iv. Mengherdik dan memaki dengan kata-kata yang agak kasar, sekiranya gagal dengan cara lemah-lembut,

v. Memukul dan mengubah dengan tangan (tahdid dan takhwif), misalnya "tinggalkan perbuatan itu, jika tidak aku akan pukul kamu!",

vi. Memukul samada dengan tangan, kaki tanpa menggunakan senjata,

vii. Menggunakan kekuatan, misalnya mengumpulkan kawan-kawan, tentera dengan menggunakan senjata.

NOTA KAKI

- 1 Al-Syarbīnīy al-Khātīb, al-Iqna^c, Juzu' 1 - 2, hlm. 309. Lihat juga: al-Ramlīy, Nihāyah al-Muh-tāi^c Ala Sharh al-Minhāj, Juzu' 8, hlm. 314
- 2 Al-Qur'an, Surah Yāsin, ayat. 57
- 3 Al-Qur'an, Surah Yūnus, ayat. 10
- 4 Abi Yahya Zakaria Bin Muhammad al-Ansori, Sharh^c Imād al-Rad' Bayān Adab al-Qāda', Juzu' 1, hlm. 59.
- 5 ^cAbdul Karim Zaidan, Nizām al-Qada' fi Syarī^cat al-Islāmiyyah, hlm. 105
- 6 Mahmud ^cAli Qura^cah, al-Usūl al-Qadāiyyah fī al-Murāfa^cat ash-Syar'iiyyah, hlm. 24
- 7 Ibn. Humām, Sharh Fath al-Qadīr, Juzu' 8, hlm. 152
- 8 Ibn. Qudāmah, al-Mughnīy, Juzu' 9, hlm. 271
- 9 Mahmud ^cAli Qura^cah, op.cit., hlm. 24. Lihat juga: al-Syarbīnīy al-Khātīb, op.cit. hlm. 309, al-Ramlīy, op.cit. 314
- 10 Fathīy Othman, al-Fikr al-Qanunīy al-Islamīy, hlm. 271

- 11 Ibid.
- 12 Sahih at-Tarmizīy, Sharh Ibn. al-^cArabīy al-Maliki, Juzu' 5, hlm. 88
- 13 Ibn. Daqiq al-Id, Sharh ^cUmdah al-Ahkam, Juzu' 4, hlm. 174
- 14 Idris Ahmad, Fiqh Syafi'e, Juzu' 2, hlm. 316
- 15 Hadis ini dipetik dari kitab Muhammad Salam Madkur, Peradilan Dalam Islam, hlm. 21
- 16 Muhammad Ismail al-Kahlanīy, Subulus Salām ^cAla Sharh Bulūq al-Marām, Juzu' 4, hlm. 161
- 17 Al-Syaukanīy, Nail Awtar, Juzu' 9, hlm. 180
- 18 Ahmad Ibrahim, Islamic Law in Malaysia, Shirle Gorden ed., (Singapore Sociological Reserach Inst. Ltd.), 1965, hlm. 369
- 19 Abdul Rahman Mustafa, Prinsip-Prinsip Undang-Undang Keterangan, Satu Pendekatan Perbandingan, Kuala Lumpur: al-Rahmaniyyah, 1988, hlm. 108
- 20 Ibid. hlm. 1

21 Sir Rupert Cross, Cross on Evidence, F.B.A. 4th., ed., London: Butterworth, 1974, hlm. 4

22 Akta Keterangan 1950 (Akta 56), seksyen 101

23 Sahih at-Tarmizīy, op.cit., hlm. 88

24 ^cAbdul Rahman Mustafa, op.cit., hlm. 117

25 Akta Keterangan 1950, op.cit., seksyen 102

26 Kanun Keseksaan Malaysia, seksyen 84

27 Ibid. seksyen 76

28 Ibid. seksyen 96

29 Sayutīy, al-Asbah Wannāzair, hlm. 138

30 Wu Min Aun, Pengenalan Kepada Sistem Perundangan Malaysia, 1985, hlm. 174

31 ^cAbdul Karim Zaidan, op.cit., hlm. 105

32 Sahih at-Tarmizīy, op.cit., hlm. 88

33 Shihabuddin Abi Ishak Ibrahim Bin ^cAbdullah (Ibn. Abi Dam), Adab al-Qadāi, hlm. 3

- 34 Ibid. hlm. 187
- 35 Ibn. Humām, op.cit., hlm. 153. Lihat juga: Hashiah Ibn. Aoidin, Juzu' 7, hlm. 400
- 36 Shihabuddin Abī Abbas (al-Qarafīy), al-Furuq, Juzu' 4, hlm. 75. Lihat juga: Ibn. Humām, op.cit., hlm. 153, Hashiah Ibn. Abidin, op.cit., hlm. 400
- 37 Ibn. Qudamah, op.cit., hlm. 271
- 38 Al-Sayyid al-Bakri Bin al-Sayyid Muhammad Shatā al-Dimyātiy, Hashiyah^c Iānat at-Tālibin, Juzu' 3, hlm. 248
- 39 Al-Syabīnīy al-Khātib, Mughnīy al-Muhtāj, Juzu' 4, hlm. 110
- 40 Muhammad Nuim^c Abdul Salam, Nazāriah al-da^cwa Baina ash-Syarī^cah al-Islamīy wa al-Qanūn al-Mu-rāfa^cat al-Madāniyyah wa al-Tijāriyyah, hlm. 277-278
- 41 Abi Yahya Zakaria al-Ansori, op.cit., hlm. 85
- 42 Ibid.
- 43 Ibid, hlm. 84

- 44 Ibid., hlm. 86
- 45 Ibn Rushd, Bidayah al-Muġtāhid, Jilid. 7 - 10,
(Terj. Hanafi M.A.), hlm. 231 - 232
- 46 ^cAbdul Karim Zaidan, op.cit., hlm. 107 - 108
- 47 Al-Mawardi, al-Ahkam as-Sultāniyyah, hlm. 70.
Lihat juga: Ibn. Qudamah, op.cit., hlm. 105,
Hashiah Ibn. Abidin, op.cit., hlm. 377
- 48 Muhammad ^cAlauddin Afandi, Hashiah Ibn. Abidin,
Juzu' 4, hlm. 379
- 49 Ibid.
- 50 ^cAbdul Karim Zaidan, op.cit., hlm. 109
- 51 Mahmud ^cAli Qura^cah, op.cit., hlm. 34 - 35
- 52 Ibid., hlm. 36 - 37
- 53 Ibid., hlm. 37
- 54 ^cAbdul Karim Zaidan, op.cit., hlm. 110
- 55 Ibid.
- 56 Ibid.

- 57 Ibid
- 58 Dr. Wahbah Zuhailīy, al-Fiqh al-Islamīy Wa-Adillatuh, Juzu' 6, hlm. 513
- 59 ^cAbdul Karim Zaidan, op.cit., hlm. 111
- 60 Al-Syarbīnīy al-Khātib, op.cit., hlm. 110
- 61 Ibn. Humām, Sharh Bidayah al-Mubtadi, Juzu' 8, hlm. 158. Lihat juga: Mahmud ^cAli Qura^cah, op.cit. hlm. 27
- 62 ^cAbdul Karim Zaidan, op.cit., hlm. 111
- 63 Ibn. Humām, Sharh Fath al-Qadir, Juzu' 6, hlm. 137
- 64 Mahmud ^cAli Qura^cah, op.cit., hlm. 27
- 65 ^cAbdul Karim Zaidan, op.cit., hlm. 111
- 66 Ibid.
- 67 Mahmud ^cAli Qura^cah, op.cit., hlm. 32
- 68 Yamin Mardhudah - ialah sumpah pendakwa setelah yang didakwa enggan bersumpah (nukul)

69 ^cAbdul Karim Zaidan, op.cit., hlm. 112

70 Ibid.

71 Ibid.

72 Ibid.

73 Al-Mawardi, op.cit. hlm. 240

74 ^cAbdul Karim Zaidan, op.cit., hlm. 113

75 Ibid.

76 Al-Qur'an, Surah Ali Imran, ayat. 104

77 ^cAbdul Karim Zaidan, Usul ad-Da^cwah, Juzu' 2,
Alih bahasa H.M. Asyawdi Syukur L.C., hlm. 281

78 ^cAbdul Karim Zaidan, Nizām al-Qada' fī-
Syari^cat al-Islamiyyah, hlm. 319

79 Al-Ghazali, Ihya Ulumuddin, Juzu' 2, hlm. 312.
Lihat juga: Muhammad Faruq an-Nubhan, Nizām al-
Hukmi, hlm. 264, ^cAbdul Karim Zaidan, op.cit.,
hlm. 323

80 Ibid.

- 81 Al-Qur'an, Surah al-Baqarah, ayat. 44
- 82 ^cAbdul Karim Zaidan, op.cit., hlm. 368
- 83 Al-Ghazali, op.cit., hlm. 333
- 84 Ibid.
- 85 ^cAbdul Karim Zaidan, op.cit., hlm. 369
- 86 Al-Qur'an, Surah al-Luqman, ayat. 17
- 87 Al-Ghazali, op.cit., hlm. 324
- 88 Ibid., hlm. 325
- 89 Al-Qur'an, Surah al-Hujjarat, ayat. 12
- 90 Al-Qur'an, Surah al-Baqarah, ayat. 189
- 91 Al-Qur'an, Surah an-Nur, ayat. 27
- 92 Al-Ghazali, Ihya Ulumuddin, op.cit., hlm. 325
- 93 ^cAbdul Karim Zaidan, op.cit., hlm. 331
- 94 Al-Ghazali, Ihya Ulumuddin, op.cit., hlm.
329 - 333